

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG**

**KAWASAN : KLUANG**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LIEW CHIN TONG (KLUANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan secara terperinci bilangan kes aduan awam yang dibuat terhadap pelbagai masalah kerosakan jalan raya persekutuan ('potholes', sampah dan sebagainya) dalam kawasan negeri Johor dari 2011 - 2014 mengikut nama jalan, bilangan kes yang telah selesai dan tempoh masa yang diambil untuk menutup kes.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 2011 hingga 2014, Kementerian Kerja Raya telah menerima sebanyak 1,119 aduan berkaitan Jalan Persekutuan di negeri Johor. Antara aduan jalan yang tertinggi di negeri tersebut ialah Jalan Johor Bahru – Pasir Gudang (FT017), Jalan Skudai – Pontian (FT05) dan Jalan Batu Pahat – Kluang (FT050).

Aduan tersebut membabitkan kerosakan fizikal jalan seperti lubang jalan ('potholes'), pemendapan jalan, sistem perparitan, perabot jalan dan penambahbaikan tahap perkhidmatan jalan serta cadangan untuk mengurangkan kes kemalangan. Tempoh masa untuk menyelesaikan sesuatu kes aduan itu bergantung kepada jenis aduan berkenaan. Sebagai contoh untuk kes melibatkan 'potholes' jalan, ia mengambil masa kurang daripada 24 jam untuk tindakan. Manakala bagi aduan yang melibatkan kerja-kerja berkala (bukan rutin) – seperti menaik taraf persimpangan atau membaik pulih cerun – ia akan mengambil masa kerana memerlukan kajian dan kelulusan peruntukan khas daripada kementerian / Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, kementerian ini telah melancarkan aplikasi aduan menerusi laman media sosial seperti twitter dan sebagainya, di mana para pengguna kini boleh mengemukakan aduan dengan lebih mudah dan pantas. Di samping itu, pengguna masih boleh menggunakan saluran aduan konvensional

sedia ada iaitu melalui surat, e-mel dan telefon talian bebas tol JKR (1-800-88-5004).

Sekian, terima kasih.